“**Pemegang Akaun Pelaburan (PAP)**” bermaksud pemegang akaun seperti individu, perkongsian, milikan tunggal, syarikat, kelab, pertubuhan, persatuan, organisasi dan badan berkanun serta hendaklah termasuk waris-waris, pentadbir-pentadbir, wakil-wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma & Syarat atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

“**Penghutang**” bermaksud individu yang layak diberikan kemudahan pembiayaan oleh Bank dan yang berkaitan dengan Aset Pelaburan, adalah rakan-niaga Bank untuk transaksi pembiayaan.

“**Penilaian Kesesuaian IAP**” bermaksud penilaian yang dijalankan oleh IAP melalui platform yang akan melibatkan pihak Bank dalam mengumpul maklumat yang diperlukan daripada bakal PAP individu untuk membentuk asas munasabah bagi cadangan tersebut.

“**Risalah Pendedahan Produk (RPP)**” bermaksud dokumen yang mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan penawaran produk APTW-i.

“**Sijil**” bermaksud sijil yang membuktikan Pelaburan dan rujukan yang dibuat kepada “Sijil” hendaklah bermaksud setiap satu atau pun salah satu daripada sijil-sijil tersebut termasuklah mana-mana penggantian bagi Sijil berkenaan.

“**Slip Pengesahan**” bermaksud, berkaitan dengan Pelaburan, dokumen atau bukti-bukti lain yang ditukar di antara pihak-pihak bagi mengesahkan terma dan syarat Pelaburan.

“**Tarikh Efektif**” bermaksud hari selepas Tempoh Kempen berakhir atau apabila pengumpulan dana usaha niaga berjaya atau mana-mana tarikh lain yang diputuskan oleh pihak Bank.

“**Tarikh Matang**” bermaksud tarikh matang APTW-i sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil.

“**Tempoh Kempen**” merujuk kepada tempoh mengumpul dana yang telah ditentukan oleh pihak Bank bagi usaha niaga spesifik.

“**Tempoh Pelaburan**” bermula daripada Tarikh Efektif sehingga Tarikh Matang Pelaburan tersebut.

“**Terma & Syarat (T&S)**” bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak BMMB beserta notis dan hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.

“**Transaksi Islamik**” bermaksud transaksi yang dilaksanakan berlandaskan kontrak Syariah bagi tujuan sama ada memindahkan aset-aset pelaburan yang sedia ada dari Bank kepada PAP atau untuk melakukan pelaburan ke dalam aset-aset Pelaburan.

“**Usaha Niaga Wakalah**” merujuk kepada pelaburan ke dalam Aset Pelaburan.

“**Wakalah bi al-istithmar**” bermaksud kontrak wakalah bagi tujuan pelaburan.

## **2. PEMBUKAAN AKAUN**

- 2.1 Sebagai syarat untuk melabur ke dalam APTW-i, PAP mesti mempunyai Akaun Gabungan sedia ada dengan mana-mana Bank Penganjur IAP, jika tidak PAP hendaklah membuka akaun tersebut sebelum membuat pelaburan ke dalam APTW-i. Permohonan APTW-i hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada had umur minimum, Amaun Pelaburan permulaan, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak untuk membuat pindaan terhadap syarat-syarat tersebut daripada semasa ke semasa.
- 2.2 Sebagai sebahagian daripada syarat-syarat urusan saksama Bank dan dalam mematuhi syarat-syarat di bawah garis panduan Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana garis panduan lain yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa, PAP, sama ada individu atau bukan individu, tertakluk kepada Penilaian Kesesuaian IAP sebelum menerima pelaburan ke dalam APTW-i oleh kerana APTW-i adalah Pelaburan Tidak Dijamin Prinsipalnya.
- 2.3 Amaun permulaan bagi Amaun Pelaburan untuk memperolehi Aset Pelaburan hendaklah ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 2.4 Tempoh Pelaburan yang sah bagi APTW-i akan ditentukan oleh pihak Bank bergantung kepada usaha niaga spesifik dan mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa:
- 2.5 Pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka akaun APTW-i mengikut budi bicaranya. Pembukaan, operasi dan penutupan akaun APTW-i adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara pihak Bank.
- 2.6 PAP hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan akan terikat dengan:
  - (a) T&S APTW-i;
  - (b) Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh BNM; dan
  - (c) Undang-undang Malaysia.
- 2.7 APTW-i boleh dibuka oleh mana-mana individu yang berkelayakan ataupun individu yang berumur dua puluh satu (21) tahun ke atas, syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan, institusi-institusi dan akaun amanah.
- 2.8 PAP mestilah telah membaca RPP, T&S dan semua dokumen yang berkaitan, hendaklah memenuhi kesesuaian penilaian melalui IAP (jika berkenaan) sebelum pembukaan APTW-i.
- 2.9 PAP hendaklah memberi kepada pihak Bank perakuan bertulis yang mengisytiharkan antara lain, bahawa semua maklumat yang didedahkan kepada pihak Bank adalah benar, lengkap dan tepat dan PAP telah membaca, memahami dan bersetuju dengan ciri-ciri dan risiko APTW-i.

## **3. PENGENDALIAN AKAUN**

- 3.1 Bagi penempatan pelaburan, PAP hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:
  - (a) Melengkapkan prosedur pembukaan akaun termasuk melengkapkan borang pembukaan akaun (“**Borang Permohonan**”), Borang Penilaian Kesesuaian IAP, membaca RPP dan T&S dan memberikan perakuan dan pengesahan bertulis seperti yang dinyatakan di Fasal 2.9 di atas.
  - (b) Memasuki perjanjian Islam dengan pihak Bank di mana ia termasuk surat perlantikan Wakalah dan mana-mana perjanjian yang berkaitan yang diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
  - (c) Memasukkan (atau memastikan terdapatnya baki yang mencukupi) sejumlah wang bersamaan nilai Amaun Pelaburan ke dalam Akaun yang berkaitan.

- 3.2 Semasa Tempoh Kempen, setelah PAP menandatangani Borang Permohonan, surat perlantikan *Wakalah* dan perjanjian lain yang berkaitan yang diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, pihak Bank hendaklah mengemukakan Amaun Pelaburan tersebut sehingga Tempoh Kempen berakhir.
- 3.3 Pada Tarikh Efektif, pihak Bank akan membuka akaun WRIA-i dan mengeluarkan Sijil kepada PAP selepas mendebitkan Amaun Pelaburan daripada Akaun PAP. Sijil hendaklah mewakili kepentingan pemilikan PAP yang tidak berbelah bahagi di dalam Usaha Niaga Wakalah.
- 3.4 Sijil dengan nombor siri hendaklah mengandungi nombor akaun APTW-i, nama PAP, Amaun Pelaburan dan lain-lain maklumat yang berkaitan.
- 3.5 APTW-i tidak boleh diserahkan hak atau dipindah milik atau digadaikan atau disandarkan sebagai cagar kepada mana-mana pihak selain daripada Bank.
- 3.6 APTW-i bukan instrumen boleh niaga.
- 3.7 PAP dengan ini bersetuju bahawa PAP hendaklah melepaskan pihak Bank daripada sebarang liabiliti dan melindungi hak Bank terhadap sebarang kerugian, tuntutan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan walau apa sekalipun yang dibawa dan dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung dan dialami oleh Bank akibat daripada bertindak sebagai ejen bagi PAP dalam menjalankan fungsi pelaburan atau dalam menguatkuasakan T&S yang terkandung di sini atau ditanggung oleh Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang dalam apa jua bentuk dan kecuali bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiannya, penyelewengan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.

#### **4. SKOP WAKALAH**

- 4.1 APTW-i menggunakan kontrak *Wakalah bi al-istithmar* di mana PAP melantik pihak Bank untuk menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak PAP dengan fi yang dipersetujui (fi *Wakalah*).
- 4.2 Di bawah APTW-i, PAP akan menjadi *Muwakkil* yang melantik pihak Bank untuk menjadi *Wakil* (ejen) untuk menguruskan pelaburannya. Pihak Bank sebagai *Wakil* tidak boleh menjamin dan tidak menjamin Amaun Pelaburan dan juga keuntungan yang dijangka daripada pelaburan.
- 4.3 Prinsip-prinsip *Wakalah* menetapkan bahawa apa-apa pulangan negatif atau Kerugian Pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh PAP dalam kapasitinya sebagai *Muwakkil* dengan syarat tidak ada kecuaiannya, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank sebagai *Wakil*.
- 4.4 Selaras dengan peranan Bank sebagai *Wakil*, pihak Bank hendaklah:
  - (a) melabur Amaun Pelaburan ke dalam Usaha Niaga Wakalah;
  - (b) melaksanakan Transaksi Islamik bagi tujuan pemerolehan Aset Pelaburan;
  - (c) melaksanakan Transaksi Islamik bagi tujuan penjualan Aset Pelaburan pada Tarikh Matang; dan
  - (d) bertindak sebagai ejen pengiraan dan pengagihan pulangan yang dijana daripada Aset Pelaburan semasa penebusan.

#### **5. ASET PELABURAN**

- 5.1 Aset Pelaburan adalah sumbangan agregat modal MVSB di cawangan terpilih di bawah Musharakah JV.

#### **6. STRUKTUR DAN TEMPOH PELABURAN**

- 6.1 Struktur pelaburan dibahagikan kepada dua tempoh pelaburan yang berbeza:
  - (a) Tempoh pertama adalah semasa Tempoh Kempen. Dalam tempoh ini, PAP hendaklah menyetorkan wang ke dalam Akaun dengan pihak Bank atau memindahkan wang dari akaun ASAS dengan mana-mana Penganjur IAP ke dalam satu akaun yang ditetapkan seperti arahan Bank dan amaun tersebut akan diuntukkan oleh pihak Bank berdasarkan kepada jumlah tempahan yang telah dilaksanakan melalui IAP. Amaun tersebut akan diuntukkan sehingga Tarikh Efektif.
  - (b) Tempoh kedua adalah di antara Tarikh Efektif sehingga Tarikh Matang APTW-i atau mana-mana tempoh bagi penebusan awal selaras dengan penggantian pelaburan oleh PAP, tertakluk kepada tarikh sekatan matang yang akan ditentukan oleh pihak Bank yang menaja berasaskan kes-kes tertentu, jika berkenaan. Walaubagaimanapun, Tempoh Pelaburan itu hendaklah dikira bermula dari Tarikh Efektif sehingga Tarikh Matang Pelaburan. Pada Tarikh Efektif, pihak Bank akan mendebitkan Amaun Pelaburan daripada Akaun ASAS PAP (yang mana amaun tersebut telah diuntukkan lebih awal), membuka APTW-i dan melaburkan Amaun Pelaburan tersebut ke dalam usaha niaga Wakalah seperti yang dinyatakan di dalam Slip Pengesahan bagi pihak PAP.
  - (c) Walau apa pun struktur pelaburan yang diterangkan dalam sub-fasal (a) dan (b) di atas, menurut perlantikan Bank sebagai *Wakil*, PAP bersetuju dan memberikan hak kepada Bank untuk menjalankan usaha dan budi bicara untuk melabur Amaun Pelaburan ke dalam Usaha Niaga Wakalah di bawah skop Aset Pelaburan dalam cara sebaik mungkin di bawah keadaan semasa yang berkaitan dengan saiz jumlah Amaun Pelaburan.

- 6.2 Sekiranya dana tersebut tidak Berjaya dikumpulkan, dana tersebut sama ada:
- (a) akan diambil oleh pihak Bank bahagian selebihnya daripada jumlah yang diapungkan;
  - (b) Tempoh Kempen tersebut akan dilanjutkan;
  - (c) amaun pembiayaan tersebut akan dikurangkan; atau
  - (d) kesemua jumlah yang telah dibayar akan dikembalikan kepada PAP (pembatalan Usaha Niaga Wakalah).
- 6.3 Pelaburan ke dalam Aset Pelaburan hendaklah dilakukan melalui pembiayaan berasaskan Syariah (Transaksi Islamik). Transaksi Islamik dilaksanakan untuk memindahkan Aset Pelaburan daripada Bank kepada PAP, melalui Bank yang bertindak sebagai ejen (*Wakil*) terpakai kepada Aset Pelaburan yang berasal daripada dan ketika ini direkodkan sebagai aset dalam buku akaun Bank).
- 6.4 Aset Pelaburan adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1 di atas.
- 6.5 Sebagai sebahagian daripada perjanjian Wakalah seperti surat perlantikan Wakalah, pihak Bank akan bertindak sebagai Wakil untuk menguruskan Aset Pelaburan bagi pihak PAP.

## **7. TEMPOH KEMPEN**

- 7.1 PAP tidak akan diberi pilihan untuk menarik balik Pelaburan dalam Tempoh Kempen.
- 7.2 Semasa Tempoh Kempen, dana tersebut telah diuntukkan oleh pihak Bank sepanjang Tempoh Kempen tersebut. Sekiranya Usaha Niaga Wakalah tersebut dibatalkan, dana tersebut akan dibatalkan oleh pihak Bank dan boleh dikeluarkan oleh PAP.
- 7.3 Pada Tarikh Efektif, dana tersebut akan dipindahkan ke dalam APTW-i. PAP hanya dibenarkan untuk mengeluarkan dana yang telah dilaburkan ke dalam APTW-i semasa tarikh matang Usaha Niaga Wakalah atau berdasarkan fasal 10.2. Kecuali untuk fasal 10.2, pembayaran prinsipal dan keuntungan akan dibayar pada Tarikh Matang melalui Akaun PAP.

## **8. FI WAKALAH**

- 8.1 Fi *Wakalah* akan diambil oleh pihak Bank pada Tarikh Matang, walau apa pun pulangan yang dihasilkan oleh Aset Pelaburan sebelum pengagihan keuntungan kepada PAP.
- 8.2 Fi *Wakalah* tersebut dibayar daripada keuntungan yang telah diterima daripada jumlah baki Aset Pelaburan.
- 8.3 Keuntungan tersebut dikira berdasarkan kepada kadar keuntungan terjangka ("**KKT**"). KKT disediakan bagi tujuan indikatif dan tidak mengandungi kewajipan pihak Bank untuk menjana atau membayar sebarang keuntungan. Keuntungan sebenar, sekiranya ada, daripada APTW-i akan dibayar sekaligus pada Tarikh Matang atau pada mana-mana frekuensi pembayaran lain seperti terma yang telah dipersetujui di antara PAP dan pihak Bank.
- 8.4 Pihak Bank boleh menyetepikan haknya untuk Fi *Wakalah* sekiranya Aset Pelaburan tidak menjana pulangan yang melebihi KKT tertakluk kepada budi bicara pihak Bank.
- 8.5 Sekiranya terdapat lebih melebihi Fi *Wakalah* yang perlu dibayar kepada pihak Bank, dan anggaran keuntungan yang perlu dibayar kepada PAP, lebih tersebut hendaklah dianggap sebagai insentif kepada pihak Bank.

## **9. EJEN PENGIRAAN**

- 9.1 Kecuali jika dinyatakan dalam T&S ini, pihak Bank akan bertindak sebagai ejen pengiraan ("**Ejen Pengiraan**") bagi tujuan untuk pengiraan prestasi pelaburan dalam Pelaburan Dibenarkan dan prestasi Aset Pelaburan dan apa jua amaun lain, kadar, harga, hasil dan nilai-nilai lain yang berkaitan dengan Urus Niaga Wakalah. Ejen Pengiraan hendaklah mempunyai kebebasan mutlak untuk menentukan kaedah pengiraan dan tidak memerlukan rundingan PAP sebelum membuat sebarang ketetapan.
- 9.2 Ketetapan Ejen Pengiraan adalah muktamad dan mengikat kepada PAP jika tiada kesilapan yang nyata.
- 9.3 Ejen Pengiraan tidak memikul sebarang tanggungjawab ke atas atau tugas terhadap, atau sebarang hubungan agensi dan kepercayaan dengan atau untuk mana-mana pihak.

## **10. PNEBUSAN DAN PENAMATAN**

- 10.1 PAP hanya boleh menebus APTW-i pada Tarikh Matang sahaja atau berdasarkan fasal 10.2.
- 10.2 Sebarang penebusan pra-matang adalah tidak dibenarkan kecuali apabila terdapat gantian dana dari PAP lain. Dalam situasi tersebut, pihak Bank boleh mengenakan tarikh sekatan matang, yang akan ditentukan berdasarkan kes-kes tertentu, dan IAH boleh menerima jumlah kurang daripada Jumpalah Pelaburan. Walau bagaimanapun, sebarang penebusan awal hanya akan dibayar pada tarikh pembayaran keuntungan.
- 10.3 PAP boleh mengeluarkan keuntungan atau prinsipal yang telah dikreditkan daripada Akaun PAP dan ini adalah tertakluk kepada terma yang telah dipersetujui terhadap frekuensi pembayaran seperti dinyatakan dalam fasal 10.1 and 11.1.

## **11. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN**

- 11.1 Kecuali untuk fasal 10.2, pembayaran keuntungan adalah semasa tempoh matang Aset Pelaburan dan keuntungan akan dikira sehingga KKT. Amaun keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun ASAS PAP atau mana-mana arahan pembayaran lain yang diterima oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 11.2 PAP berhak mendapat pulangan efektif yang dijana daripada semua Aset Pelaburan dan tertakluk kepada prestasi Aset Pelaburan.
- 11.3 PAP hendaklah memberi kebenaran untuk mengetepikan (tanazul) sebarang lebihan keuntungan dan yang melebihi KKT untuk manfaat Bank sebagai insentif.

## **12. PENYATA**

- 12.1 Penyata akaun APTW-i akan dihantar pada setiap suku tahun atau mana-mana tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank. Penyata akaun juga hendaklah disediakan atas permintaan ad-hoc PAP.
- 12.2 PAP diminta untuk memeriksa semua butiran di dalam penyata akaun APTW-i yang dihantar kepada PAP dan melaporkan dengan segera kepada pihak Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakaturan, perselisihan, tuntutan atau pun pengeluaran yang dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaiian atau selainnya daripada pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penyata dikeluarkan, setelah diterima oleh PAP, penyata akaun APTW-i tersebut dianggap betul dan tepat.

## **13. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR**

- 13.1 Tiada sebarang perubahan maklumat PAP, alamat, nombor telefon dan lain-lain walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan PAP telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijalankan.
- 13.2 PAP dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga (3) hari sekiranya terdapat perubahan pada tandatangan dan penandatangan, penukaran rakan kongsi (untuk akaun perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk akaun persatuan), penukaran Perlembagaan Syarikat (untuk akaun syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank dan lain-lain. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di tempat alamat terakhir PAP yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada PAP.

## **14. OPERASI BAGI AKAUN INDIVIDU / AKAUN BERSAMA**

- 14.1 Bagi Akaun individu, waris atau pentadbir pemegang Akaun hendaklah menjadi satu-satunya orang yang diiktiraf oleh pihak Bank sebagai pengganti pemegang Akaun sekiranya pemegang Akaun meninggal dunia. Setelah notis kematian pemegang Akaun diterima, pihak Bank berhak untuk membekukan akaun sehingga pengganti pemegang Akaun mengemukakan sijil pengesahan wasiat atau surat akaun.
- 14.2 Keluarga terdekat seperti pasangan, anak, abang atau kakak dan ibu bapa mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas, atau mana-mana pewaris mengikut undang-undang.
- 14.3 Bagi akaun bersama, mana-mana baki kredit di dalam Akaun, selepas pengeluaran oleh keluarga terdekat atau waris sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) boleh dibayar kepada pihak penuntut yang sah tertakluk kepada mana-mana duti harta pusaka (jika berkenaan) atau apa-apa bentuk perundangan lain yang serupa.
- 14.4 Jika akaun dibuka atas nama dua individu atau lebih ('**Akaun Bersama**'), individu tersebut hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang ditanggung ke atas Akaun Bersama:-
  - (a) Di mana Akaun Bersama yang dikendalikan dengan pengesahan tandatangan tunggal, arahan daripada salah seorang pemegang Akaun Bersama akan diterima oleh pihak Bank dan arahan tersebut dianggap telah dipersetujui oleh pemegang Akaun Bersama yang lain. Jika, sebelum Bank bertindak atas arahan yang diterima daripada salah seorang pemegang Akaun Bersama, Bank menerima arahan yang bercanggah daripada pemegang akaun bersama yang lain, pihak Bank boleh memilih untuk bertindak hanya selepas kesemua pemegang Akaun Bersama memberi persetujuan, tanpa mengambil kira bahawa Akaun Bersama memerlukan pengesahan tandatangan tunggal.
  - (b) Bagi Akaun Bersama yang dikendalikan dengan kuasa menandatangani perjanjian bersama, arahan lisan tidak akan diterima oleh pihak Bank. Arahan bertulis boleh diberikan oleh pemegang akaun sama ada satu atau pun lebih, di mana jika semua diterima bersama-sama akan dianggap sebagai dokumen yang sama.
  - (c) Pihak Bank berhak untuk menolak untuk menerima cek atau instrumen kewangan yang dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama untuk dibayar ke dalam akaun bersama. Sekiranya pihak Bank menerima sebarang cek atau instrumen kewangan yang dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama, pemegang akaun bersama hendaklah bersetuju untuk menanggung sebarang kerugian bagi pihak Bank akibat daripada sebarang kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada penerimaan cek atau instrumen kewangan tersebut.

- (d) Apabila pemilik Akaun meninggal dunia (bagi individu beragama Islam / pemegang akaun bersama Islam), waris boleh menuntun sejumlah amaun tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) daripada Akaun tersebut bagi tujuan perbelanjaan pengebumian dan kos yang berkaitan yang dinilai sebagai perlu oleh pihak Bank dan pihak Bank tidak akan pada bila-bila masa dipertanggungjawabkan terhadap pengeluaran tersebut. Sebarang baki kredit hanya dibayar kepada pengganti pemegang Akaun setelah mengemukakan Surat Pentadbiran daripada Mahkamah Tinggi/‘Grant of Probate’ daripada Mahkamah Tinggi, atau Perintah Pembahagian Harta daripada Pejabat Tanah atau Surat Akaun atau Surat Perintah daripada Amanah Raya Berhad (“ARB”) (jika berkenaan).
  - (e) Bagi pemegang akaun bersama yang bukan beragama Islam, sekiranya berlaku kematian kepada sama ada/atau salah seorang daripada pemegang akaun bersama, sebarang baki yang terdapat di dalam akaun bersama tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup mengikut peruntukan yang berkenaan, tertakluk kepada kanun undang-undang (jika diperlukan) dengan undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa pada masa itu, tertakluk kepada jaminan oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dilakukan akibat daripada pembayaran yang dilakukan oleh pihak Bank.
  - (f) Pemegang akaun bersama dan hartanya, bersama-sama dengan pemegang akaun bersama yang lain, mengaku janji untuk menjamin dan memastikan pihak Bank dikecualikan daripada sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan, termasuk yang timbul daripada:
    - i. Pembekuan Akaun Bersama dan pengkalan baki kredit di dalam Akaun Bersama dengan cara yang dinyatakan seperti yang dinyatakan di atas; dan
    - ii. Sebarang pertikaian di antara Pemegang-Pemegang Akaun Bersama dan wakil-wakil peribadi kepada pemegang Akaun Bersama yang meninggal dunia, Bank berhak untuk mendebit dari Akaun Bersama di atas sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.
- 14.5 Apabila sijil pengesahan wasiat atau surat kuasa diserahkan, pihak Bank boleh, atas permintaan pelanggan, untuk membuka akaun di atas nama harta pusaka si mati. Pemegang amanah, pentadbir harta pusaka atau wakil peribadi si mati hendaklah mengendalikan akaun tersebut seperti yang tercatat di dalam sijil pengesahan wasiat atau surat akuan yang diserahkan.
- 14.6 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau surat cara boleh niaga kepada sama ada atau pun kepada salah seorang daripada pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan untuk menyerahkan sebarang surat cara boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada akaun bersama atau pun kepada salah seorang pelanggan Akaun Bersama.
- 14.7 Cek pada akaun ini akan ditandatangani oleh penandatanganan yang dibenarkan yang disebut di bawah operasi Akaun dan kuasa mereka akan dilanjutkan kepada penutupan Akaun.
- 14.8 Sebarang pengeluaran oleh mana-mana pihak adalah berdasarkan perjanjian antara kedua-dua pemegang akaun bersama, kecuali penutupan akaun boleh dilaksanakan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
- 14.9 Pelanggan secara bersama dan berasingan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana akibat daripada pemberikuasaan berkenaan dengan deposit dan pengendalian Akaun Pelanggan kecuali bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kecauan, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.

## **15. AKAUN INDIVIDU SI MATI BAGI MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM**

- 15.1 Semasa kematian salah seorang daripada PAP, keluarga terdekat atau waris akan kekal terikat dengan terma-terma akaun APTW-i di mana keluarga terdekat atau waris tidak dibenarkan untuk mengeluarkan Amaun Pelaburan sebelum Tarikh Matang. Pembayaran Amaun Pelaburan tersebut akan dibuat pada tempoh matang atau pada masa lain seperti yang telah ditetapkan di bawah terma-terma APTW-i.
- 15.2 Keluarga terdekat seperti pasangan, anak, abang atau kakak dan ibu bapa mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas.

## **16. PEMBEKUAN APTW-i**

- 16.1 Pihak Bank berhak untuk membekukan APTW-i pada bila-bila masa menurut undang-undang, arahan BNM atau penyiasatan atau perintah mahkamah, peraturan atau enakmen kebankrapan pemegang akaun, penggulangan syarikat, kematian pemegang akaun, tidak siuman atau atas budi bicara pihak Bank.
- 16.2 PAP hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan akaun APTW-i dengan bukti yang sesuai dan Bank berpuas hati bahawa tindakan tersebut telah ditarik balik dengan betul.

## **17. KEHILANGAN SIJIL**

- 17.1 PAP dikehendaki menyimpan Sijil APTW-i dengan selamat dan hendaklah membuat laporan, secara bertulis, apabila berlaku kehilangan, kecurian atau kemusnahan kepada pihak Bank dengan kadar segera. Sekiranya berlaku kehilangan, kecurian, atau kemusnahan, PAP dikehendaki untuk menandatangani surat tanggung rugi dan disetem dengan kos duti setem yang bersesuaian bagi tujuan pengeluaran sijil baru.

## **18. UNDANG-UNDANG**

18.1 T&S ini adalah tertakluk, dikawal serta ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, peraturan dan garis panduan BNM dan peraturan badan-badan yang berkaitan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

## **19. FI DAN CAJ**

19.1 Caj akan dikenakan berdasarkan kepada Caj Bank. Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM.

19.2 PAP dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah fi dan caj berkaitan dengan APTW-i ini dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau komunikasi mengenai perubahan tersebut, dan apa-apa notis atau komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian, atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak PAP di alamat terkini yang direkodkan oleh pihak Bank, atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar, atau e-mel, atau laman sesawang, atau khidmat pesanan ringkas, atau apa cara yang bersesuaian yang dinilai oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau dihantarkan di alamat terakhir PAP yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada PAP.

## **20. CUKAI PERKHIDMATAN**

20.1 PAP memberi kuasa kepada pihak Bank atas budi bicara pihak Bank untuk mengenakan sejumlah amaun melebihi harga transaksi bagi tujuan cukai perkhidmatan atau sebarang cukai yang dikenakan berkaitan dengan Pelaburan, jika berkenaan.

## **21. HAK UNTUK MENOLAK-SELESAIKAN**

21.1 PAP bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada lien umum atau hak-hak Bank yang diperakui oleh undang-undang, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun perbankan atau akaun pelaburan PAP walau apa jua sifatnya, di mana-mana cawangan Bank berserta liabiliti kepada pihak Bank dan menolak-selesaikan atau memindahkan sebarang jumlah wang yang berada pada kredit dalam mana-mana atau kesemua akaun perbankan dan akaun pelaburan dalam atau terhadap penyelesaian mana-mana liabiliti PAP, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa kini, masa hadapan, sebenar atau kontingen, yang berada pada kredit dalam mana-mana akaun perbankan atau akaun pelaburan PAP hendaklah setakat mana yang diperlukan untuk melindungi liabiliti tersebut atau sebarang jumlah wang yang terhutang kepada pihak Bank.

21.2 Bagi pelaksanaan seperti di atas, fasal bagi menentukan nilai akaun pelaburan bagi tujuan mengimbangi, terma-terma seperti dalam Fasal 10 hendaklah terpakai.

## **22. FORCE MAJEURE**

22.1 Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh PAP yang timbul daripada sebab yang sama.

## **23. LAIN-LAIN PERUNTUKAN**

23.1 Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara T&S atau percanggahan terjemahan di antara versi bahasa inggeris dan bahasa lain, versi Bahasa inggeris akan diguna pakai. Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara T&S dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, T&S ini akan diguna pakai.

23.2 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua T&S di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada PAP dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasanya T&S baru.

23.3 T&S termasuk hak-hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

**AMARAN:**

**PULANGAN AKAUN PELABURAN TERHAD WAKALAH-i (APTW-i) INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PELABURAN. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. APTW-i TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).**

**PENERIMAAN OLEH PAP/PENANDATANGAN DIBENARKAN**

Saya/Kami dengan ini mengakui dan memahami Terma & Syarat APTW-i di atas.

**X**

-----  
Nama:  
No MyKad: